



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Kl.45 (184)

Tarikh : 16 November 2016

SIARAN MEDIA

OPS Akta 757

Klang, 16 November 2016 – Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Bahagian Perkhidmatan Perbandaran (Unit Penguatkuasaan) bersama Unit Pesuruhjaya Bangunan Klang dan dibantu oleh Unit Penguatkuasa Majlis Perbandaran Klang (MPK) menyerah notis (*Notice of Demand*) kepada syarikat Dynasty United Sdn Bhd (Pemaju) dalam Ops Akta 757 pada petang ini.

2. Ini adalah notis yang pertama yang diserahkan sejak Akta 757 ini berkuatkuasa pada 1 Jun 2015 lepas. Notis yang diserahkan ini adalah dibawah Akta 757 sekyen 15 Akta pengurusan Strata 2013 (Akta 757).
3. Kegagalan mematuhi notis tersebut akan melakukan kesalahan di bawah subseksyen 15(4) Akta 757 dan apabila disabitkan boleh, didenda tidak melebihi RM250, 000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya dan jika kesalahan berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi RM5, 000.00 bagi tiap -tiap hari atau sebahagian kesalahannya itu berterusan selepas disabitkan
4. Penguatkuasaan di bawah Akta 757 dapat dilaksanakan melalui dua mekanisma iaitu:-
 - I. Secara rundingan dan kerjasama berterusan antara KPKT dan COB PBT
 - II. OPS didedahkan kepada masyarakat melalui media elektronik, cetak dan dan lain-lain medium dengan tujuan utama bahawa Akta 757 telah mula dikuatkuasakan

5. Secara keseluruhannya, Unit Penguatkuasaan, Bahagian Perkhidmatan Perbandaran ini diwujudkan bagi memastikan penguatkuasaan di bawah Akta 757 dijalankan secara sistematik dan berkesan.

Tujuan penguatkuasaan adalah seperti tersebut;-

- I. Tindakan yang diambil dari sudut perundangan ke atas pesalah – pesalah berlandaskan peruntukan Akta 757.
 - II. Mengwar-warkan kepada pihak yang berkepentingan seperti pemaju, badan pengurusan bersama (JMB), perbadanan pengurusan (MC), ejen dan pemilik/ pemunya petak / pembeli bahawa tindakan penguatkuasaan telah pun mula dijalankan.
 - III. Memberi impak dan pengajaran kepada komuniti dan masyarakat supaya menjadikan pesalah yang telah diambil tindakan sebagai contoh.
 - IV. Menyedarkan masyarakat amalan yang salah supaya dapat diperbetul dan diperkemas dari segi aspek pengurusan, kewangan dan lain-lain.
 - V. Pendidikan melalui teknik penguatkuasaan bagi membuka mata masyarakat demi generasi akan datang betapa pentingnya skim wajib diurus dengan baik.
6. PS 757 ini akan menyelesaikan banyak masalah terutama dari sudut memberi kesedaran dan tanggungjawab berhubung dengan pengurusan komuniti strata dan penyenggaraan bangunan berstrata.
7. Turut hadir dalam Ops Akta 757 ini adalah Setiausaha Perkhidmatan Perbandaran KPKT, Setiausaha MPK, Pesuruhjaya Bangunan MPK, pegawai KPKT dan penguatkuasa MPK.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my